

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT BEROPERASI SEMASA CUTI PERAYAAN TAHUN BARU CINA

PORT DICKSON, 28 JANUARI 2022 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah bersiap siaga dengan sejumlah 1,289 anggota yang akan bertugas pada hari pertama dan 1,363 anggota pada hari kedua perayaan Tahun Baru Cina bagi memastikan operasi kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Sembilan berjalan lancar mengikut jadual.

Pengurus Besar Korporat, SWM Environment Sdn Bhd. Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Mohd Nordin berkata, SWM Environment akan menggerakkan sejumlah 111 kenderaan lori kompaktor bagi melaksanakan kutipan sisa domestik dan 58 kenderaan lori terbuka (open tipper) bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sisa taman, kitar semula dan pukal seperti yang dijadualkan di semua kawasan perkhidmatan.

“Dalam usaha berterusan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai, kutipan sisa domestik turut dilaksanakan seperti biasa di 42 buah lokasi tong sampah berpusat, 29 buah lokasi rumah pangsapuri dan sembilan (9) buah lokasi tumpuan pelancong agar sisa yang dijana oleh penduduk dapat diuruskan dengan baik”.

Tambahnya lagi, penduduk juga disarankan untuk menguruskan sisa di kediaman masing-masing dengan cara yang berhemah melalui kaedah pembungkusan dan ikatan yang kemas serta membuangkannya ke dalam tong sampah beroda yang telah disediakan oleh SWM Environment.

Bagi sisa pukal, sisa taman (dahan yang dipotong kecil, ranting kayu dan daun kering) dan sisa kitar semula, penduduk diminta untuk meletakkan sisa tersebut di tepi tong sampah beroda pada hari kutipan +1 seminggu sekali mengikut jadual yang telah ditetapkan di kawasan kediaman masing-masing.

Dalam masa yang sama, SWM Environment turut menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama dengan tidak meletakkan sebarang halangan terutamanya kenderaan mereka di laluan utama lori kompaktor dan lori terbuka bagi melancarkan pergerakan kenderaan yang beroperasi ketika musim perayaan. Keadaan seumpama ini memang dijangka kerana penduduk akan berkumpul bersama keluarga dan rakan-rakan di kediaman tertentu bagi meraikan perayaan Tahun Baru Cina.

Sementara itu, SWM Environment turut berharap agar orang ramai yang merancang untuk beriadah di kawasan-kawasan pelancongan seperti di pantai Port Dickson sempena cuti perayaan ini dapat bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran kawasan perkulahan dengan memasukkan bungkusan sisa makanan ke dalam tong sampah beroda yang telah disediakan di sekitar kawasan pantai Port Dickson. Sehingga kini, sejumlah 234 buah tong sampah beroda dan tong sampah berpusat telah disediakan di sepanjang pantai Port Dickson bagi kegunaan orang ramai.



SWM Environment juga menyeru orang ramai untuk memulakan gaya hidup amalan hijau (*green practice*). Antara amalan hijau yang boleh diterapkan dalam kehidupan seharian ialah dengan membawa beg belian sendiri ketika membeli-belah bagi mengurangkan penggunaan beg plastik, mengamalkan amalan 3R (reduce (kurangkan), reuse (guna semula) dan recycle (kitar semula) dan merancang pembelian barangan keperluan harian dengan berhemah bagi mengurangkan janaan sisa dihantar ke tapak pelupusan atau pembaziran sumber seperti makanan dan bekas pembungkusan.

Penduduk di Negeri Sembilan digalakkan untuk menyertai program kitar semula berganjaran iaitu Program KITAREcycle SWM Environment bagi membudayakan amalan kitar semula dari rumah dan seterusnya berpeluang mengumpul mata ganjaran kitar semula yang boleh ditunaikan ke dalam akaun bank secara dalam talian.

Sehingga kini, sebanyak 17 buah sangkar kitar semula telah disediakan di enam (6) buah daerah iaitu Seremban dan Nilai, Port Dickson, Rembau, Tampin, Kuala Pilah dan Jelevu bagi memudahkan ahli KITAREcycle dan juga orang awam lain untuk menghantar barangan kitar semula yang terkumpul sepanjang tempoh sambutan perayaan Tahun Baharu Cina.

Orang ramai boleh mendaftar sebagai ahli KITAREcycle secara dalam talian dengan melayari laman web www.kitarecycle.com atau memuat turun aplikasi KITAREcycle di Apple Apps Store dan Google Play Store. Ahli berdaftar akan memiliki nombor kod QR unik serta perlu mencetak kod QR tersebut untuk ditampalkan diatas bungkusan barangan kitar semula bagi membolehkan ahli mengumpul mata ganjaran bagi setiap barangan tersebut. Ahli KITAREcycle perlu melaksanakan Pengasingan Sisa Di Punca (Separation at Source – SAS) dengan mengasingkan sisa kepada tiga kategori iaitu kertas, plastik dan lain-lain.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500-kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Apps Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com